



Majlis bersama Jabatan Perkhidmatan Awam bersama Pelajar UniMap tajaan JPA

Oleh: Pn. Noora Md. Yusoff

Bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Wai pada 10 Februari 2011, telah diadakan Majlis Pertemuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bersama Pelajar Unimap Tajaan JPA yang turut dihadiri oleh Encik Razli Bin Ahmad, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni pada ketika itu.

Majlis yang berjaya mengumpulkan hampir 95% penerima tajaan JPA ini telah berlangsung dengan jayanya hasil daripada kerjasama semua pihak. Sesi yang berlangsung hampir tiga (3) jam ini telah dimulakan dengan ucapan oleh Dekan JHEPA sendiri dan diikuti dengan sesi taklimat oleh Pegawai JPA yang hadir. Encik Razli dalam ucapannya menasihatkan dan mengingatkan pelajar tajaan JPA yang hadir pada malam ini yang dianggap oleh beliau cukup bertuah kerana mendapat bantuan Kerajaan sepenuhnya sepanjang pengajian di sini.



Beliau berharap semoga semua siswa-siswi dapat menanamkan dalam diri rasa kesyukuran dan berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia dengan memberikan pencapaian yang baik serta tidak menjadi seperti pepatah "kacang lupakan kulit" setelah tamat pengajian nanti. Wakil JPA di dalam taklimatnya juga berharap agar semua siswa-siswi mengambil pendekatan untuk mengambil tahu hal-hal berkaitan prosedur, tatacara serta hak-hak mereka sepanjang menerima pembiayaan ini bagi memudahkan urusan mereka dengan pihak JPA sekiranya perlu. Di majlis yang sama juga telah diadakan pertemuan dengan secara bersemuka dengan pelajar-pelajar yang dikenalpasti telah menunjukkan prestasi yang agak lemah iaitu pencapaian CGPA di bawah 2.0 dan telah diberikan sedikit nasihat dan motivasi oleh wakil JPA supaya dapat meningkatkan kembali prestasi bagi mengelakan tajaan yang diterima di tarik balik.

Program seumpama ini dilihat oleh Unit Pinjaman dan Kebajikan akan dijadikan sebagai program tahunan berkala bagi membolehkan pelbagai info diterima oleh pelajar dan secara tidak langsung dapat merapatkan silaturahim diantara UniMAP dan JPA secara berterusan.

